

22 JUL 1999

Mahathir-bendera

DR MAHATHIR LANCAR GERAKAN KIBAR BENDERA BN

KOTA BAHARU, 22 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan gerakan mengibar bendera Barisan Nasional di seluruh Kelantan sebagai acara simbolik permulaan langkah merampas tampuk pemerintahan kerajaan Kelantan daripada PAS.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke Kelantan bermula hari ini turut menyaksikan penyerahan 225,000 bendera BN itu kepada semua 14 bahagian Umno di negeri itu.

Kesemua bendera itu adalah sumbangan peribadi Tengku Razaleigh Hamzah selepas dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan pada 20 Jun lepas, jawatan yang sebelum itu disandang oleh Dr Mahathir sejak 1988.

Terdahulu, dalam ucapannya Dr Mahathir berharap gerakan kibarkan bendera BN itu akan menguatkan semangat jentera dan pemimpin Umno untuk "bekerja lebih keras bagi menebus maruah rakyat Kelantan".

Beliau turut menyindir langkah PAS yang telah mengibar bendera parti secara besar-besaran ke seluruh negara terutamanya Kedah, negeri kelahirannya khusus berhampiran rumahnya di negeri itu.

"Pasang bendera bukan bermakna menang pilihan raya. Saya yang tentukan tarikh (pilihan raya), Biar bendera dia (PAS) reput, baru kita pasang yang lain," katanya disambut ketawa oleh hadirin.

Tengku Razaleigh berkata bendera BN akan diletakkan di setiap rumah pengundi Umno bagi menunjukkan kekuatan parti itu.

"Kita beri PAS pacak bendera di atas gunung, pokok, tiang dan busut kerana ia bukan mengundi...tetapi kita kibarkan di rumah-rumah penyokong Umno," katanya merujuk kepada tindakan PAS meletakkan beribu-ribu bendera parti berlatarkan lakaran bulan itu di merata-rata tempat terutama di negeri ini.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut melancarkan sebuah buku "PAS pasti Tersungkur Di Kelantan, Insya-Allah" yang dihasilkan oleh Datuk Ariffin Abdul Hamid, yang juga Setiausaha BN Kelantan.

Buku setebal 150 muka surat itu mengandungi beberapa isu perkembangan politik di Kelantan terutama sejak pilihan raya umum 1990 serta kenyataan berhubung kelemahan pentadbiran PAS yang gagal mentadbir negeri itu.

-- BERNAMA

tm mai